

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 NOVEMBER 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 34

### OPR kekal 3% sasar pacu ekonomi

# OPR kekal 3% sasar pacu ekonomi

Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
ekonomi@utusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada tiga peratus.

Keputusan PMC itu selari dengan jangkaan ramai pakar ekonomi bahawa OPR akan dikenakan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut BNM, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi.

"MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampu dalam keadaan harga yang stabil," katanya dalam kenyataan, semalam.

BNM berbuka, ekonomi global terus berkembang, didorong oleh



BANK Negara Malaysia memutuskan, dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampu. - GAMBAR HIASAN

permintaan dalam negeri berikut sokongan keadaan pasaran pekerja yang teguh.

Bank Pusat itu berkata, sektor elektrik dan elektronik (E&E) mula menunjukkan beberapa tanda pemulihan namun per-

dagangan global terus lemah, sebahagiannya disebabkan oleh peralihan perbelanjaan daripada barang kepada perkhidmatan dan sekatan perdagangan yang berterusan.

Jelasnya, pertumbuhan global

terus terjejas disebabkan oleh inflasi yang masih tinggi dan kadar faedah yang lebih tinggi, dengan beberapa ekonomi utama mengalami momentum pertumbuhan yang semakin perlahan.

"Terdapat tanda-tanda awal

yang menunjukkan pertumbuhan China semakin baik meskipun pasaran harta tanah China terus lemah.

"Inflasi keseluruhan global meningkat sedikit sebahagiannya disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi, manakala inflasi teras terus sederhana," ujarnya.

Tambah BNM, pendirian dasar monetari bagi kebanyakan bank pusat dijangka kekal ketat.

Katanya, prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, disebabkan terutamanya oleh inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan, ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara mendadak.

"Bagi ekonomi Malaysia, anggaran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan bahwa kegiatan ekonomi bertambah baik pada suku ketiga.

"Pertumbuhan pada 2024 akan didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan daripada eksport E&E yang dijangka pulih," katanya.